



DASAR TARBIYYAH JAMAAH (DTJ) & PERANAN MAKTAB

Dokumen mengandungi garis kasar panduan bagi pelaksanaan program-program tarbiyah (di bawah pengawasan Majelis Kaderisasi & Tarbiyyah-MAKTAB) yang bermatlamatkan “pembinaan para pimpinan dan aktivis yang terdidik dalam perspektif yang benar, selari dengan pegangan dan pendirian gerakan iaitu mereka yang mengongsi aspirasi yang sama dengan pimpinan jamaah serta konsisten mendokong perjuangan di sepanjang hayat”.

Beberapa kendala yang berlaku di sepanjang sejarah gerakan, sering dihubungkan dengan ketidakberkesanan atau kelemahan proses tarbiyah yang dilaksanakan selama ini. Walaupun korelasi antara keduanya tidak diuji hingga kebenaran pandangan demikian dapat dipastikan, namun usaha memperbaiki sistem tarbiyah dan pelaksanaan program-program mestilah dibuat secara berterusan (*on-going*).

Usaha ini lebih dirasai sekarang memandang masyarakat, khususnya masyarakat Islam dan negara sedang mengalami berbagai perubahan, kesan dari proses globalisasi dan lambakan maklumat yang terhasil dari kecanggihan jaringan dan telekomunikasi. Ekoran perkembangan yang terjadi, pendekatan dan gaya serta kandungan program-program tarbiyah juga perlu disemak supaya ia kekal berkesan dan sesuai dengan suasana dan persekitaran yang telah berubah serta mampu menampung kepimpinan yang diperlukan pada masa hadapan. Adalah diharap agar mereka yang terlatih dari madrasah tarbiyyah nanti benar-benar mampu memimpin dan menggerakkan perubahan dalam masyarakat.

Gandingan WADAH-ABIM-PKPIM selama ini bukan sahaja mampu mengecilkan ruang salah faham dalaman gerakan, bahkan berupaya memberi pengaruh berganda terhadap keberkesanan kepimpinan dan keberhasilan kerja-kerja dakwah. Sebagai tindak-lanjut dari keyakinan bahawa banyak manfaat yang boleh diperolehi dari sinergi ini, maka WAP melalui Majlis Syura Kebangsaan (MSK) telah bersetuju membentuk Majlis Kaderisasi dan Tarbiyyah (MAKTAB) bagi menetapkan dasar, landasan, halatuju dan memantau program-program tarbiyyah bagi jamaah, memenuhi kehendak WADAH-ABIM dan PKPIM. Bagi memenuhi tujuan ini, Majlis Kaderisasi dan Tarbiyyah (MAKTAB) telah merumus **Dasar Tarbiyyah Jamaah (DTJ)**. Dasar ini telah dikemukakan dan dipersetujui oleh Mesyuarat Pimpinan Kanan Jamaah WADAH-ABIM-PKPIM (WAP) yang diadakan pada Khamis, 22 November 2018, bertempat di Anjung Rahmat, Sungai Merab, Kajang. Selangor Darul Ehsan. Dasar ini kemudiannya diterima oleh Majlis Syura

Adalah diharap agar mereka yang keluar dari madrasah tarbiyyah ini benar-benar mampu memimpin dan menggerakkan perubahan masyarakat.

ABIM-PKPIM selama ini bukan sahaja mampu mengecilkan ruang salah faham dalaman gerakan, bahkan berupaya memberi kesan berganda terhadap keberkesanan kepimpinan dan keberhasilan kerja-kerja dakwah

Kebangsaan (MSK) ke 33 yang bersidang di Dewan Besar KDH, pada 29 Disember 2018.

TUJUAN

Menjelaskan peranan Majlis Kaderisasi & Tarbiyyah (MAKTAB) dan wujudkan satu dasar umum sebagai panduan yang standard untuk Jamaah (WADAH-ABIM-PKPIM) dalam melaksanakan program-program tarbiyyah di peringkat pusat, peringkat pertubuhan masing-masing dan juga di peringkat negeri.

BEBERAPA ISTILAH

Bagi tujuan menjelaskan peranan MAKTAB dan pembentukan **Dasar Tarbiyyah Jamaah (DTJ)**, beberapa istilah akan dipakai seperti maksud yang dinyatakan:

“MAKTAB” ialah kependekan kepada Majlis Kaderisasi dan Tarbiyyah iaitu badan yang telah dipersetujui oleh Majlis Syura Kebangsaan WAP, bertindak sebagai penasihat dan pemantau dan sumber rujukan bagi pelaksanaan program-program tarbiyyah WAP di peringkat pusat di samping mengendalikan beberapa program tarbiyyah WAP.

“jamaah’ bermaksud pertubuhan WADAH, ABIM dan PKPIM atau WAP, khususnya di peringkat pusat.

“tarbiyyah” bermaksud proses didikan dan latihan yang bersifat harakiyy dan dalam konteks Dasar

Tarbiyyah Jamaah seperti program tamrin, usrah dan lain-lain. “tamrin pimpinan jamaah” bermaksud tamrin yang melibatkan pimpinan utama di peringkat organisasi WAP pusat dan negeri.

“peringkat pusat” bermaksud peringkat bagi program yang dilaksanakan di peringkat nasional.

“peringkat pertubuhan atau organisasi” bermaksud peringkat bagi program yang dilaksanakan oleh organisasi masing-masing WAP.

“peringkat negeri” bermaksud WAP di peringkat negeri.

“peringkat zon” bermaksud peringkat yang melibatkan gabungan WAP beberapa buah negeri, kecuali Sabah dan Sarawak.

“Zon Utara” terdiri dari WAP Perlis, Kedah, Perak dan Pulau Pinang.

“Zon Tengah” merangkumi WAP Wilayah Persekutuan, Selangor dan Negeri Sembilan.

“Zon Selatan” mengandungi WAP Melaka dan Johor.

“Zon Timur” merangkumi WAP Pahang, Kelantan dan Trengganu.

“Zon Sabah” untuk WAP negeri Sabah.

“Zon Sarawak” untuk WAP negeri Sarawak.

STRUKTUR DAN PERANAN MAKTAB

1 **MAKTAB** akan berperanan seperti berikut:

- ❖ Menentukan **dasar-dasar dan halatuju** tarbiyyah WAP.
- ❖ Menyarankan tema dan objektif tarbiyyah mengikut kesesuaian masa.
- ❖ Menilai kesesuaian dan keberkesanan program tarbiyyah yang dijalankan **setiap dua tahun**.
- ❖ **Memantau** pelaksanaan program-program tarbiyyah terutama di peringkat WAP Pusat dan juga di peringkat zon.
- ❖ **Melaksana beberapa** program khusus di peringkat pusat.

2 Ahli Jawatankuasa (AJK) MAKTAB terdiri dari **tujuh (7)** orang iaitu terdiri dari tiga **(3) Timbalan-timbalan Presiden** WAP. Seorang dari Timbalan-timbalan Presiden hendaklah dipersetujui menjadi Pengerusi MAKTAB dan dua orang lagi sebagai Timbalan Pengerusi. Sementara **empat (4) lagi** dilantik dari sesiapa yang difikirkan sesuai, yang dinamakan oleh Pengerusi dan Timbalan-Timbalan Pengerusi MAKTAB dan dipersetujui oleh Pimpinan Kanan WAP. Empat (4) anggota tambahan yang dilantik itu

akan bertanggungjawab mengatur dan melaksanakan program-program tarbiyyah di peringkat pusat dan zon.

4 Timbalan-Timbalan Pengerusi MAKTAB akan memegang jawatan tersebut **selama mereka menjadi memegang jawatan** Timbalan Presiden organisasi-organisasi PKPIM, ABIM dan WADAH. Empat (4) anggota tambahan akan memegang jawatan sebagai AJK MAKTAB untuk tempoh **selama dua (2)** tahun dan boleh dilantik semula apabila tamat tempoh.

5 Struktur MAKTAB adalah seperti berikut:

Pengerusi

Timbalan Pengerusi 1

Timbalan Pengerusi 2

Empat (4) orang ahli jawatankuasa yang akan menjadi **Pengarah-Pengarah JK Tetap** bagi tujuan-tujuan berikut:

- Pelaksanaan Tamrin Pimpinan Jamaah (TPJ) dan Tamrin-Tamrin Zon.
- Pelaksanaan SAFWAH (Tamrin Pelapis-Safwah Mukhtarah).
- Penyediaan dan pengemaskinian Modul Tamrin dan Silibus Usrah.

- Pelaksanaan dan Pemantauan Tamrin dan Usrah.

6 AJK MAKTAB akan dibantu oleh seorang Setiausaha Eksekutif.

DASAR TARBIYYAH JAMAAH

1 **Dasar Tarbiyyah Jamaah (DTJ)** hendaklah diterima sebagai rujukan dan panduan pelaksanaan program-program tarbiyyah Jamaah bagi ketiga-tiga pertubuhan WADAH, ABIM & PKPIM (WAP). Ini seharusnya berlaku di semua peringkat. Program-program tarbiyyah di peringkat negeri juga disaran supaya merujuk dan menyesuaikan dengan dasar ini. Adalah tidak wajar bagi mana-mana WADAH-ABIM-PKPIM khususnya di peringkat pusat, melaksanakan program tarbiyyah seperti tamrin dan usrah, tanpa terlebih dahulu merujuk kepada DTJ.

2 Pimpinan utama WAP perlu menentukan **semua pimpinan dalam pertubuhan masing-masing mengikuti program-program utama tarbiyyah yang dianjurkan di peringkat pusat khususnya tamrin dan usrah. Perlantikan seseorang ke jawatan-jawatan penting dalam WAP hendaklah turut mengambilkira** kekerapan dan kesungguhannya mengikuti program-program tarbiyyah yang diadakan di peringkat pusat dan program-program tarbiyyah yang diadakan di peringkat pertubuhan/organisasi.

3 **Tamrin Pimpinan Jamaah (TPJ):** TPJ adalah tamrin yang melibatkan pimpinan utama WAP atau mereka yang terpilih dari peringkat pusat dan negeri. MAKTAB dipertanggungjawab mengendalikan TPJ. Semua pimpinan WAP hendaklah memberi keutamaan bagi menjayakan TPJ melalui penyertaan aktif dalam tamrin ini.

Tamrin-Tamrin Zon:

Tamrin Zon akan diadakan sekali dalam setahun. Negeri-negeri dalam sesuatu zon akan memutuskan negeri yang akan menjadi tuan rumah bagi menguruskan tamrin zon yang berkaitan. MAKTAB akan membantu menyelaraskan pelaksanaan Tamrin-Tamrin Zon.

Tamrin-Tamrin Lain:

Tamrin-tamrin lain seperti Tamrin Pembinaan Pimpinan Pelapis (SAFWAH) dan Tamrin Nuqaba' atau tamrin-tamrin lain boleh dianjurkan oleh MAKTAB dari masa ke masa mengikut keperluan.

4 Pelaksanaan **tamrin-tamrin dan program tarbiyyah lain (termasuk usrah) yang dianjurkan di peringkat organisasi**, seperti Tamrin Qiyadi, Tamrin Hewi-Helwa-Salwa, Tamrin Ahli-ahli Baru, Tamrin Pimpinan Kampus dan lain-lain hendaklah diurus oleh pertubuhan atau organisasi masing-masing. MAKTAB boleh dirujuk untuk pandangan dan nasihat. Untuk tujuan tersebut adalah dicadangkan agar masing-

masing organisasi membentuk satu jawatankuasa yang boleh dinamakan sebagai **Jawatankuasa Tetap Perlaksanaan Tamrin dan Pemantauan Usrah (JTPTPU)** atau nama-nama lain yang sesuai bagi melaksanakan tamrin dan memantau perkembangan usrah masing-masing.

5 Ketua JTPTPU ketiga-tiga WADAH, ABIM dan PKPIM hendaklah dengan sendirinya menjadi berada sebagai anggota AJK Tetap Perlaksanaan dan Pemantauan Tamrin dan Usrah MAKTAB.

6 Dua puluh peratus (20%) dari kuliah atau ceramah bagi tamrin pimpinan utama PKPIM hendaklah diisi oleh pimpinan ABIM dan WADAH. Demikian juga dua puluh peratus (20%) dari kuliah atau ceramah bagi tamrin pimpinan utama ABIM diisi oleh pimpinan WADAH. Sementara dua puluh peratus (20%) dari kuliah atau ceramah tamrin WADAH hendaklah diisi oleh mantan pimpinan jamaah atau tokoh-tokoh lain yang difikirkan sesuai. Kelonggaran diberi kepada program-program tarbiyyah yang dilaksanakan oleh MAKTAB di peringkat pusat.

7 Kandungan program-program tarbiyyah (tamrin dan usrah) di semua peringkat mestilah memberi keutamaan kepada **4 tema utama** seperti yang dinyatakan seperti berikut:

- i **Pemahaman *fiqh al-harakiyy*.**
- ii **Sejarah Kebangkitan Islam di Malaysia: ABIM dan peranan tokoh-tokoh utamanya.**
- iii **Tinjauan perkembangan sosio-politik-ekonomi tanah air *vis a vis* umat dan agama.**
- iv ***Tarbiyyah Ruhhiyyah*: Pemahaman dan Amalan.**

8 MAKTAB bertanggungjawab, melalui **JK Tetap Modul Tamrin dan Silibus Usrah**, bagi menyediakan modul tamrin dan silibus usrah, khususnya untuk digunakan di peringkat pimpinan masing-masing WAP. WAP disaran mengutamakan modul dan panduan yang disediakan oleh MAKTAB. Peringkat-peringkat lain, dengan persetujuan pimpinan mereka, boleh memanfaatkan panduan, kurikulum dan silibus tamrin dan usrah yang sedia ada atau yang disediakan disediakan oleh MAKTAB dengan menyesuaikan mengikut keperluan masing-masing.

9 **Kekerapan Program Tarbiyyah:**

Tamrin Pimpinan Jamah (TPJ) diadakan **sekali dalam dua tahun.**

Tamrin Pimpinan masing-masing WADAH, ABIM dan PKPIM, hendaklah diadakan **sekurang-kurang sekali dalam setahun.**

Tamrin peringkat zon juga hendaklah diadakan **sekurang-kurangnya sekali setiap tahun.**

April 2016

Ahi/

Updated 4 Disember 2019

Tamrin-tamrin lain yang dilaksanakan di peringkat organisasi akan diputuskan oleh organisasi-organisasi itu sendiri. Sementara **usrah** hendaklah dijadikan **program mingguan atau dwi-mingguan yang wajib.**

NILAI DAN SIFAT

Program-program tarbiyah jamaah hendaklah mengambil berat soal pembinaan insan sebagai pimpinan dan aktivis yang boleh diteladani. Ini ialah dengan memperkukuhkan kefahaman dan wawasan serta nilai-nilai quraniyy dalam diri qiyadah dan jundiyyah (pimpinan dan aktivis) jamaah.

Adalah diharapkan tarbiyah jamaah di berbagai peringkat mengambikira secara sadar akan matlamat bagi menghasilkan **saf qiyadah dan aktivis yang komited** dengan sekurang-kurangnya **lapan (8) nilai dan sifat** berikut:

- Mendokong idealisme perjuangan.
- Kesediaan untuk berkorban.
- Kesediaan untuk terus belajar.
- Berprinsip dan berpaksikan Tawheed.
- Berani menempuh cabaran.
- Tekun beribadah.
- Berakhlak mulia.
- Menjadi *problem solver*.